

July 2016



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

72<sup>nd</sup>  
ISSUE

info kampus



SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576





# Kajian Wali Songo

OLEH: MUHAMMAD NIZAMUDDIN BIN AZMI

Para penyelidik UiTM Sarawak yang diketuai oleh Dato' Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Bin Hj. Hamali dan tiga orang pensyarah kanan UiTM Sarawak iaitu Ustazah Sharifah Anom Binti Omar, Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir, dan Dr. Hadenan Bin Hj. Towpek serta 11 orang mahasiswa peringkat diploma dalam pelbagai bidang telah menjejaki Surabaya, Lamongan, Tuban dan Bali Indonesia bagi tujuan menyelidiki hubungan Islam di Jawa dan Borneo serta mendalami secara terperinci sejarah Wali Songo dan Wali Pitu serta kaitan mereka dengan Borneo (Sarawak). Tugas ini telah diamanahkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud. Penyelidikan ini berjaya dilaksanakan selama 6 hari 5 malam bermula dari 28 Mei hingga 2 Jun 2016.

Para penyelidik tiba di Surabaya pada petang 28 Mei dan memulakan kajian pada 29 Mei dengan melawat Makam Sunan Bonang yang berada di Tuban, Makam Sunan Drajat di Lamongan dan Makam Sunan Ampel yang berada di Surabaya. Para penyelidik juga berkesempatan melawat Makam Bapa Mertua Sunan Ampel iaitu Sunan Bungkul sebelum meneruskan perjalanan dan bermalam di Banyuwangi sebelum ke Bali. Di Bali, penyelidik telah melawat Makam Syekh Abdul Qodir Muhammad iaitu salah seorang Wali Pitu yang juga dikenali sebagai The Kwan Li. Namun perjalanan untuk ke Makam Umar bin Maulana Yusuf Al-Maghribi tidak tercapai memandangkan faktor pendakian yang berbahaya. Walaubagaimana pun, para penyelidik berjaya menziarahi makam Wali Pitu yang lain iaitu Makam Habib Ali Bin Abu Bakar Al Hamid dan menemuramah juru kunci yang menjaga makam tersebut. Makam Habib Ali yang terkenal dengan penyebaran Islam di Bali pada suatu masa dahulu terletak di Kampung Islam Kusamba, Kec. Dewan, Kab. Klungkung.

Selain dari menjalankan tugas penyelidikan, para penyelidik tidak ketinggalan mengambil peluang menikmati pemandangan indah di Pantai Pandawa yang terkenal dengan tarikan pelancong dalam dan luar negara. Pada sebelah malamnya, para penyelidik dihiburkan dengan persembahan Tarian Putra Barong yang memperkenalkan adat budaya masyarakat Bali yang mempunyai pengaruh budaya Hindu yang kuat.

Secara kesimpulannya, lawatan ini banyak memberi maklumat dan gambaran sebenar tentang peninggalan para Wali Songo dan Wali Pitu. Ini memberi impak positif kerana banyak bahan kajian telah diperolehi untuk proses dokumentasi agar maklumat sebenar tentang Wali Songo dan Wali Pitu dapat disebar kepada masyarakat.







UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## **Corporate Communications & International Relations**

Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)